

11/07/1997

NRIA: Pulau Pinang akur

GEORGETOWN, Khamis - Pulau Pinang sedia melupakan hasrat mendapatkan lapangan terbang antarabangsa keduanya, berikutan keputusan Kerajaan Pusat menyegerakan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Bayan Lepas di sini dengan peruntukan berjumlah RM100 juta.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata keputusan itu memadai untuk tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang dan isu pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) tidak akan dibincangkan secara terbuka buat masa ini.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik selepas mengadakan pertemuan hampir setengah jam dengan Dr Koh mengumumkan keputusan Kerajaan Pusat yang meluluskan peruntukan RM100 juta bagi pembinaan Kompleks Kargo Udara dan menambah kapasiti pengendalian penumpang di LTAB Bayan Lepas menjelang akhir 1998.

Menurutnya, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet semalam dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah memaklukkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)